

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PENGEZONAN

No. Dokumentasi: APTVM 19(c): 1/2011

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia	i
1.0 Pengenalan	1
2.0 Objektif	2
3.0 Skop	2
4.0 Definisi	2
5.0 Kata Singkatan	5
6.0 Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Zon Penyakit Haiwan	6
6.1 Arahan Am	6
6.2 Penubuhan Zon Penyakit Haiwan	6
6.3 Penentuan Sempadan Zon Penyakit Haiwan	7
6.4 Pengurusan Zon Penyakit Haiwan	8
6.5 Indeks	8
6.6 Indeks Kesihatan Awam Veterinar (IKAV)	8
6.7 Kepungan	9
6.8 Kawasan Penyakit	9
6.9 Zon	10
6.10 Pengurusan Maklumat dan Dokumentasi	11
6.11 Pengisytiharan Negara Bebas	11
6.12 Kempen Kesedaran Awam	12
7.0 Senarai Rujukan	12
8.0 Senarai Lampiran	13
Lampiran: Bentuk Pengezonan & Kategori Zon untuk Pengurusan Penyakit	14
Jawatankuasa Penyediaan APTVM Zon Penyakit Haiwan	15
Penghargaan	15

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA


Pengurusan Zon Penyakit Haiwan merupakan suatu kompetensi asas yang perlu dimiliki oleh Pihak Berkuasa Veterinar (PBV) sesebuah Negara. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) telah pun memiliki peruntukan kuasa di bawah Seksyen 36, Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006). Akta berkenaan telah menggariskan tiga zon meliputi kawasan terjangkit, kawasan kawalan dan kawasan pembasmian.

Sementara itu, prosedur pengezonan juga menjadi sebahagian daripada pawaian yang ditetapkan oleh OIE. Pada ketika ini, Malaysia sendiri telah memiliki Zon Bebas Penyakit FMD yang meliputi Sabah dan Sarawak yang diiktiraf OIE. Zon Penyakit Haiwan dengan itu penting untuk tujuan kawalan dan pembasmian penyakit serta mempunyai manfaat dalam urusan dagangan haiwan dan produk haiwan antarabangsa sebagai manfaat daripadanya.

Namun begitu, pengezonan itu haruslah diyakini oleh PBV negara pengimport. Keyakinan dibina melalui kompetensi yang diukur berdasarkan tahap pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme mereka yang menjalankan tugas, kemudahan dan peralatan yang dimiliki, kaedah serta piawai veterinar yang dirujuk dalam pengesanan, diagnosis dan pengesanan penyakit. PBV dari negara rakan dagang juga perlu diyakinkan melalui bukti keutuhan serta dokumentasi yang tepat dan kemas.

Malah, menjadi hasrat semua negara untuk mencapai status bebas penyakit terutama penyakit wajib lapor yang bersifat zoonotik, eksotik, rentas sempadan serta bernilai ekonomi dan zoonotik yang menjadi asas kepada halangan dagangan antarabangsa. Pengezonan merupakan prosedur yang dipersetujui OIE untuk membolehkan perdagangan ternakan dapat berjalan sementara menunggu Negara berusaha mencapai status bebas sepenuhnya. Namun, matlamat akhir kita adalah untuk bebas daripada semua penyakit wajib lapor agar ianya menjadi perangsang pertumbuhan industri ternakan.

Maka, Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Pengezonan, hendaklah dijadikan panduan oleh semua PBV dan Veterinawan Bertauliah dalam mengawal dan mencegah penyakit haiwan dan zoonotik. Zon Penyakit Haiwan akan dapat melancarkan dagangan haiwan antarabangsa.



Dato' Dr. Abd. Aziz bin Jamaluddin

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

1.0 PENGENALAN

Pengezonan merupakan strategi pencegahan, pengawalan dan pembasmian penyakit. Prosedur pengezonan akan membolehkan pengurusan penyakit haiwan dilaksanakan secara lebih teratur. Penetapan zon penyakit berpandu kepada status penyakit sesuatu kawasan akan membolehkan pengurusan biosekuriti ditadbir dengan lebih cekap lagi.

Penularan penyakit berjangkit sering berlaku akibat pemindahan atau pergerakan haiwan, manusia, kenderaan atau peralatan yang merentasi kawasan yang memiliki status penyakit berbeza. Haiwan dalam kawasan bebas yang belum mangli atau masih belum biasa terhadap sesuatu penyakit, menghadapi risiko jangkitan yang tinggi sekiranya terdedah kepada sesuatu patogen. Prosedur pengezonan ini akan memastikan pemindahan haiwan yang merentasi zon yang memiliki status berbeza dibuat secara lebih teratur.

DVS telah diberi peruntukan kuasa di bawah Seksyen 36, Akta Binatang, 1953 (Semakan 2006) untuk menetapkan kawasan terjangkit, kawasan kawalan penyakit, dan kawasan pembasmian penyakit. Bagi penyakit rabies, kawasan penampakan ditetapkan sebagai 30 km radius daripada sempadan kawasan jangkitan. Bagi penyakit Kuku & Mulut (FMD), Negeri Sabah dan Sarawak telah diiktiraf sebagai zon bebas FMD. Manakala bagi status penyakit haiwan dan zoonotik pula, Malaysia telah bebas daripada 50 jenis penyakit iaitu daripada keseluruhan 125 Penyakit Wajib Lapor yang telah ditetapkan.

Dalam pengurusan zon penyakit, kemampuan untuk membuat pengesanan, diagnosis dan pengesanan penyakit adalah amat penting. Zon berkenaan haruslah memiliki mekanisme pelaporan dan amaran awal bagi membolehkan langkah kawalan dan pembasmian diambil serta-merta. Semua pihak yang berkepentingan ke atas penyakit tersebut haruslah menyedari dan menghormati zon yang wujud.

Dalam pencegahan dan kawalan penyakit, kecekapan dan kehebatan para petugas perlu mampu dibuktikan. Memandangkan sesetengah penyakit seperti *Bovine Spongiform Encephalopathy* (BSE) atau penyakit Lembu Gila, memiliki tempoh eraman yang panjang, maka disiplin penyimpanan rekod amatlah penting. Dalam tempoh yang panjang, sudah pasti pegawai akan bertukar. Namun begitu, melalui pengurusan rekod kawalan penyakit yang baik akan mampu membuktikan hakikat kebebasan. Maka amat penting untuk semua PBV memahami prosedur pengezonan demi kebaikan industri penternakan Negara.

2.0 OBJEKTIF

Arahan Prosedur Tetap Veterinar (APTVM) Pengezonan berhasrat untuk:

- 2.1. Menguruskan proses pengezonan dengan teratur;
- 2.2. Meningkatkan keberkesanan pencegahan, pengawalan dan pembasmian penyakit;
- 2.3. Meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan keutuhan pengezonan;
- 2.4. Memastikan pengurusan maklumat pengezonan diurus dengan baik; dan
- 2.5. Meningkatkan lagi keyakinan PBV Negara pengimport untuk membolehkan perdagangan haiwan berlaku daripada zon bebas penyakit.

3.0 SKOP

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Pengezonan ini akan meliputi prosedur penubuhan zon, penentuan sempadan, pengurusan zon dan maklumat serta pengisytiharaan Negara bebas. Pada masa yang sama, pendekatan kempen kesedaran awam turut diberi perhatian dalam memastikan proses pengezonan dapat difahami dengan jelas.

4.0 DEFINISI**4.1. Biosekuriti**

Dasar dan langkah yang diambil untuk melindungi haiwan daripada ancaman biologikal.

4.2. Dayajejak

Kebolehan menjejaki pemindahan haiwan dan produk haiwan dalam rangkaian pengeluarannya samada satu langkah ke hadapan atau ke belakang.

4.3. Gerompok

Kumpulan ternakan yang berkongsi kawasan ragutan atau di bawah pengurusan yang sama.

4.4. Haiwan

Semua binatang termasuk lembu, kambing, kerbau, bebiri, kuda, babi, rusa, anjing, kucing, unggas serta mana-mana binatang yang dikurung atau bawah kawalan, pada sebarang umur atau jantina.

4.5. Indeks Penyakit

Satu kawasan penyakit setempat atau tapak utama bagi sesuatu penyakit am atau jangkitan yang diuruskan melalui APTVM Indeks Penyakit Haiwan

4.6. Indeks KAV

Kes yang positif (penyimpangan) dan telah disahkan lokasi penyimpangan berlaku melalui proses penyiasatan dan dayajejak.

4.7. Kawasan

Sesuatu kawasan atau wilayah yang ditentukan dengan jelas kumpulan haiwan dengan taraf kesihatan yang spesifik.

4.8. Kawasan Dijangkiti

Kawasan di mana lokasi berlaku kejadian penyakit berdasarkan piawai yang telah ditetapkan melalui Protokol Veterinar Malaysia dan diuruskan berpandukan APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan.

4.9. Kawasan Kawalan

Kawasan di sekeliling kawasan yang dijangkiti mengikut keluasan yang bersesuaian dengan penyakit berkenaan yang berkemungkinan akan berlaku rebakan penyakit daripada kawasan dijangkiti.

4.10. Kawasan Pembasmian

Kawasan di mana DVS sedang mengambil langkah pembasmian, samada penyakit masih belum bebas sepenuhnya, ataupun telah bebas, namun sebahagian langkah pencegahan masih berkuatkuasa.

4.11. Kepungan

Satu atau lebih premis di bawah sistem pengurusan biosekuriti yang sama terdiri daripada populasi haiwan dengan status penyakit yang jelas, dimana telah dijalankan surveilans, kawalan dan pengurusan biosekuriti di bawah pengawasan DVS.

4.12. Kuarantin

Prosedur penahanan haiwan yang diimport bagi tujuan pengasingan, pemerhatian, pemeriksaan, ujian dalam stesyen kuarantin bagi mencegah jangkitan kepada populasi tempatan.

4.13. Kuarantin Penyakit

Penahanan wajib dalam pengasingan daripada apa-apa haiwan, burung dan benda bagi tujuan pencegahan dan kawalan penyakit di Kawasan Dijangkiti, Kawasan Kawalan dan Kawasan Pembasmian.

4.14. Penyakit

Penyakit haiwan yang berjangkit atau jangkitan antara haiwan atau burung yang diisytiharkan dan diwartakan.

4.15. Penyakit Wajib Lapor (PWL)

Penyakit Haiwan yang diwartakan oleh Menteri sebagai Penyakit Wajib Lapor di bawah Seksyen 2 dan 31, Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006). Semua pihak yang mengetahui kejadiannya, wajib melaporkan kepada PBV.

4.16. Pihak Berkuasa Veterinar

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, mana-mana Pegawai Veterinar, Timbalan atau Penolong Pegawai Veterinar dan termasuk mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri untuk menjadi Pihak Berkuasa Veterinar di bawah Seksyen 3 Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006).

4.17. Prevalen

Satu kaedah berasaskan statistik yang menunjukkan bilangan kes penyakit dalam ternakan di suatu kawasan pada suatu masa berbanding keseluruhan ternakan yang berisiko di kawasan tersebut.

4.18. Premis

Ladang, tempat, kandang, reban, rumah sembelih, loji pemprosesan, kilang makanan haiwan, klinik haiwan, kedai haiwan, pasar basah, rumah atau bangunan di mana haiwan atau produk haiwan ditempatkan atau diletakkan secara sementara atau tetap serta dijalankan perkhidmatan berkaitan haiwan.

4.19. Produk Haiwan

Sesuatu hasil yang berasaskan haiwan yang masih mentah yang dihasilkan secara semulajadi, atau produk yang telah diproses pada tahap primer, sekunder dan lanjutan atau sisanya.

4.20. Rekod Veterinar

Data atau maklumat berkaitan veterinar yang disimpan untuk rujukan.

4.21. Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT)

Skim persijilan DVS bagi mengiktiraf ladang ternakan yang mematuhi syarat minimum GAHP, biosekuriti, kawalan penyakit dan kawalan pencemaran alam sekitar.

4.22. Survelan

Aktiviti pensampelan, pelaporan dan penganalisan yang sistematik bagi mengetahui status, taburan, corak dan tanda penyakit dalam sesuatu populasi ternakan.

4.23. Sijil Kesihatan Veterinar (SKV)

Dokumen yang mengesahkan kesihatan haiwan, hasil dan produaknya, dalam memenuhi keperluan pengurusan biosekuriti dan dayajejak.

4.24. Unggas

Semua unggas termasuk ayam domestik, ayam kampung, itik, angsa, ayam belanda, ayam serama, ayam mutiara, burung unta, burung merpati dan mana-mana burung yang dikurung atau bawah kawalan, pada sebarang umur atau jantina.

4.25. Veterinary Health Mark (VHM)

Skim Pensijilan DVS untuk mengesahkan kesihatan awam veterinar, jaminan keselamatan makanan dan kualiti berasaskan kepada GMP, GAP dan HACCP.

4.26. Wabak

Kejadian penyakit berjangkit yang melibatkan lebih daripada satu indeks atau gerompok haiwan atau melangkaui satu mukim dan daerah atau melebihi kebiasaan.

4.27. Zon

Gabungan kawasan yang bersambungan atau wilayah yang ditentukan dengan jelas sempadannya serta mengandungi kumpulan haiwan yang dipastikan secara spesifik taraf kesihatannya.

5.0 KATA SINGKATAN

ADIC	-	<i>Animal Disease Information Centre</i>
APTVM	-	<i>Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia</i>
BSE	-	<i>Bovine Spongiform Encephalopathy (Penyakit Lembu Gila)</i>
DVS	-	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
EpiS	-	Seksyen Epidemiologi dan Survelan
FMD	-	<i>Foot and Mouth Disease (Penyakit Kuku & Mulut)</i>
GAP	-	Good Animal Practice
GIS	-	Geographical Information System
GMP	-	Good Manufacturing Practice
GPS	-	<i>Global Positioning System</i>
GVHP	-	<i>Good Veterinary Health Programme</i>

HACCP	- Hazard Analysis Critical Control Point
IPPV	- Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya
IKAV	- Indeks Kesihatan Awam Veterinar
KAV	- Kesihatan Awam Veterinar
KPPV	- Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
OIE	- <i>Offices Internationale des Epizootes</i>
PBV	- Pihak Berkuasa Veterinar
PPVD	- Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah
PPVN	- Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
PVM	- Protokol Veterinar Malaysia
PWL	- Penyakit Wajib Laporkan
SALT	- Skim Amalan Ladang Ternakan
VHM	- <i>Veterinary Health Mark</i>
ZPH	- Zon Penyakit Haiwan

6.0 ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR ZON PENYAKIT HAIWAN

6.1. ARAHAN AM

- 6.1.1. Semua PBV hendaklah mematuhi peraturan pengezonan.
- 6.1.2. Pengurusan kawalan pemindahan dan pergerakan haiwan, hasil dan produk haiwan ke dalam atau ke luar dari ZPH hendaklah mematuhi syarat yang ditetapkan mengikut penyakit berkenaan.
- 6.1.3. Setiap ZPH hendaklah memiliki bukti pematuhan melalui sistem dayajejak tentang keutuhan ZPH berkenaan.
- 6.1.4. Perubahan status ke atas sesuatu indeks, kepungan, kawasan atau zon dibuat berasaskan keputusan surveilan yang akan diselaraskan oleh EpiS.
- 6.1.5. Semua rekod mengenai sesuatu ZPH akan disimpan oleh ADIC.
- 6.1.6. Pengurusan pengezonan akan dibuat dengan asas bentuk dan kategori zon seperti di Lampiran.
- 6.1.7. Pengurusan pengezonan hendaklah disusuli dengan pengesahan kebebasan penyakit.

6.2. Penubuhan Zon Penyakit Haiwan

- 6.2.1. Penubuhan sesuatu zon penyakit haiwan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Penyakit Haiwan Kebangsaan.
- 6.2.2. PWL yang akan dibuat pengezonan hendaklah:
 - 6.2.2.1. Berjangkit
 - 6.2.2.2. Zoonotik
 - 6.2.2.3. Berkepentingan ekonomi

6.2.2.4. Rentas sempadan

6.2.3. Kriteria pengezonan akan merujuk kepada Protokol Veterinar Malaysia untuk penyakit berkenaan.

6.3. Penentuan Sempadan Zon Penyakit Haiwan

6.3.1. Persempadanan ZPH untuk sesuatu penyakit akan dibuat melalui bacaan GPS untuk pemetaan.

6.3.2. Semua premis haiwan yang berada di dalam ZPH penyakit berkenaan akan dianggap memiliki status penyakit yang sama untuk tujuan pengurusan biosekuriti.

6.3.3. Corak dan gelagat rebakan jangkitan sesuatu penyakit hendaklah diambil kira bagi memudahkan urusan penandaan sempadan ZPH.

6.3.4. Taburan premis haiwan yang bersangkutan dengan penyakit berkenaan hendaklah juga diberi perhatian.

6.3.5. Sistem pengurusan penternakan dan aktiviti berkaitan dengannya meliputi perdagangan, penyembelihan dan pemprosesan serta pemasaran yang berkaitan dengan sesuatu penyakit hendaklah juga dipertimbangkan dalam penentuan sempadan ZPH.

6.3.6. Sempadan geografi fizikal seperti sungai, tasik, paya, laut, gunung dan hutan yang mampu menghalang pergerakan haiwan merentasinya hendaklah diambil kira dalam penentuan sempadan.

6.3.7. Sempadan politik atau pentadbiran boleh diambil kira untuk penyelarasan pentadbiran biosekuriti tetapi bukan menjadi asas utama ZPH.

6.3.8. Semua pihak berkuasa veterinar perlu menyedari tentang kewujudan zon berkenaan dengan merujuk kepada peta zon terkini melalui ADIC. PPVN boleh menandakan kawasan berkenaan untuk membantu pengurusanannya.

6.4. Pengurusan Zon Penyakit Haiwan

- 6.4.1. ZPH merupakan suatu pengurusan yang dinamik yang berubah statusnya mengikut keputusan surveilan dan pengesanan serta audit yang dijalankan.
- 6.4.2. Prosedur pengezonan meliputi empat kategori:
 - 6.4.2.1. Indeks
 - 6.4.2.2. Kepungan
 - 6.4.2.3. Kawasan
 - 6.4.2.4. Zon

6.5. Indeks

- 6.5.1. Indeks Penyakit (IP)
 - 6.5.1.1. Pengurusan Indeks penyakit menandakan premis yang dijangkiti dengan mengambil kira penyakit, jenis haiwan, masa dan lokasi.
 - 6.5.1.2. Status indeksnya melalui tahap disyaki (kelabu), aktif (merah), kawalan (kuning), pulih (hijau) dan bebas (putih.)
 - 6.5.1.3. Pengurusannya berpandukan APTVM Pengurusan Indeks Penyakit.
 - 6.5.1.4. Maklumat status indeks penyakit adalah berpusat di ADIC.

6.6. Indeks Kesihatan Awam Veterinar (IKAV)

- 6.6.1. Pengurusan IKAV menandakan premis yang merekodkan penyimpangan daripada normal yang melanggar piawai kesihatan awam veterinar serta berada dalam pemantauan DVS.
- 6.6.2. Status indeks melalui tahap aktif (merah), tindakan pembetulan (kuning), pemantauan (hijau) dan normal (putih).
- 6.6.3. Pengurusannya berpandukan kepada APTVM Pengurusan Kesihatan Awam Veterinar
- 6.6.4. Maklumat status diselaraskan oleh Seksyen Zoonotik dan Kesihatan Awam Veterinar dan dapat diperolehi daripada ADIC.

6.7. Kepungan

- 6.7.1. Premis haiwan yang telah memiliki Sijil SALT, VHM atau GVHP layak memohon untuk didaftarkan kepongannya.
- 6.7.2. Pengurusan kepongungan akan berpandukan APTVM Kepungan Unggas dan APTVM Kepungan Babi.
- 6.7.3. Pengusaha yang memiliki pelbagai peringkat pengeluaran daripada pengeluaran, penyembelihan, pemprosesan dan penyimpanan boleh menguruskan seluruh rantaianya dalam kepongungan sebagai jaminan kepada pembeli.
- 6.7.4. Kepungan di peringkat negeri akan diselaraskan Bahagian Regulatori, dipantau bersama Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit, IPPV dan didaftar oleh Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti.

6.8. Kawasan Penyakit

- 6.8.1. Kawasan penyakit ditentukan berdasarkan kepada Protokol Veterinar Malaysia bagi setiap penyakit.
- 6.8.2. Akta Binatang menetapkan tiga kawasan penyakit meliputi kawasan terjangkau, kawasan kawalan dan kawasan pembasmian penyakit.
- 6.8.3. Dalam sesetengah protokol, penyakit mudah berjangkit ditetapkan kawasan penampannya yang termasuk di dalam kawasan kawalan.
- 6.8.4. Kawasan penampunan rabies meliputi kawasan 30 km radius daripada sempadan kawasan jangkitan, manakala kawasan penampunan FMD meliputi daerah berhampiran sempadan di utara.
- 6.8.5. Apabila berlaku sesuatu penyakit wajib lapor, maka IP akan ditetapkan serta-merta. Namun begitu, bagi PWL yang mudah merebak akan ditetapkan radius kawasan terjangkau yang akan diperincikan melalui Protokol Veterinar Malaysia.
- 6.8.6. PVM juga akan menetapkan kawasan kawalan penyakit dan kawasan pembasmian penyakit.

6.8.7. PPVN akan memaklumkan kepada Menteri Besar mengenai kejadian penyakit serta menetapkan kaedah kawalannya melalui warta atau perintah atau peraturan pentadbiran yang ditetapkan.

6.8.8. Pengurusan kejadian penyakit ini akan dilaksanakan berpandukan kepada APTVM Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan.

6.9. Zon

6.9.1. Penubuhan ZPH merupakan suatu keputusan dasar yang perlu didukung oleh semua pihak berkuasa veterinar.

6.9.2. ZPH perlu di dukung sepenuhnya oleh semua pihak terutama pemain dalam industri sendiri untuk mencapai matlamatnya.

6.9.3. Zon akan membolehkan dagangan haiwan berjalan walaupun Negara belum bebas sepenuhnya. Penubuhan zon merupakan galakan kepada industri dan PBV untuk cuba mencapai status bebas suatu penyakit.

6.9.4. Zon bebas FMD meliputi Sabah dan Sarawak. DVS negeri perlu memastikan semua pihak mengekalkan keutuhannya. Pembangunan Zon Bebas ND sedang dilaksanakan di Johor dan Melaka serta kawasan ternakan ayam lain.

6.9.5. Kriteria untuk mencapai zon bebas dan prosedur untuk mengekalkannya dinyatakan dalam setiap Protokol Veterinar Malaysia untuk penyakit berkenaan.

6.9.6. Pergerakan haiwan, hasil dan produk haiwan ke dalam dan keluar ZPH perlu di bawah pengawasan pihak berkuasa veterinar serta memiliki kemampuan dayajajak.

6.9.7. Semua prosedur kawalan dan pembasmian penyakit termasuk disinfeksi, dekontaminasi, penghapusan, pemusnahan, pelupusan, vaksinasi dan pengurusan biosekuriti, hendaklah dilaksanakan berpandukan PVM dan APTVM berkaitan.

6.9.8. Status sesuatu lokasi atau indeks dalam zon akan berubah dengan dinamik melalui pembuktian. Perubahan tersebut

akan dilaksanakan oleh EpiS setelah menjalankan pengesahan melalui survelan.

6.9.9. Sekiranya terdapat bukti bahawa keadaan penyakit telah berubah dalam sesuatu zon, peta yang terkini akan dikeluarkan oleh ADIC.

6.9.10. Peta ZPH terkini akan menjadi asas keputusan dalam pengurusan biosekuriti dan pengurusan kawalan pemindahan dan pergerakan haiwan dan produknya.

6.10. Pengurusan Maklumat dan Dokumentasi

6.10.1. Semua rekod veterinar hendaklah diuruskan dengan baik berpandukan APTVM Pengurusan Kes.

6.10.2. Semua kejadian penyakit mengikut zon hendaklah dilaporkan kepada PPVN dan KPPV melalui ADIC.

6.10.3. Semua tindakan yang berkaitan dengan penyakit zon itu hendaklah juga dilaporkan kepada ADIC.

6.10.4. Rekod dan dokumentasi akan menjadi asas kepada EpiS untuk mengubah status lokasi dalam ZPH berkenaan.

6.10.5. Rekod dan dokumentasi akan menjadi asas untuk mendapat pengiktirafan OIE dan pihak berkuasa veterinar negara rakan dagang.

6.11. Pengisytiharan Negara Bebas

6.11.1. Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS bertanggungjawab melantik pasukan petugas untuk menilai tahap kebebasan.

6.11.2. Seksyen EpiS bertanggungjawab menjadi urus setia bagi mengumpul bukti tahap kebebasan.

6.11.3. Pasukan petugas bertanggungjawab untuk menyediakan dokumen pengisytiharan.

6.11.4. Pasukan petugas bertanggungjawab menyelaras pengauditan jika perkara itu diperlukan serta memastikan segala pertanyaan audit dijawab.

- 6.11.5. Bagi pengiystiharan sendiri, pihak berkuasa veterinar negara rakan dagang perlu dimaklumi.
- 6.11.6. Unit Analisis Risiko bertanggungjawab memastikan pihak berkuasa veterinar rakan dagang atau negara pengimport sentiasa dimaklumi tentang status kebebasan penyakit Negara.

6.12. Kempen Kesedaran Awam.

Kempen kesedaran awam terhadap kepentingan menjaga keutuhan ZPH perlu disampaikan kepada semua pihak berkepentingan melalui ceramah, sesi dialog, media massa, poster, risalah dan lain-lain. Sila rujuk APTVM Kempen Kesedaran Awam.

7.0 SENARAI RUJUKAN

- 7.1. Akta Binatang 1953 (Akta 647) (Semakan 2006);
 - 7.1.1. Subseksyen 7(1) dan 11(1), Pemeriksaan import.
 - 7.1.2. Subseksyen 8(3), Pemeriksaan atas pengangkutan.
 - 7.1.3. Seksyen 16, Pemeriksaan untuk eksport.
 - 7.1.4. Subseksyen 18(1) dan (2), Pemeriksaan penyakit.
 - 7.1.5. Subseksyen 21(1), Pemeriksaan *post mortem*.
 - 7.1.6. Subseksyen 36(1)(vi) Pemeriksaan kawalan penyakit.
 - 7.1.7. Subseksyen 67(a), Memasuki dan memeriksa premis, tanah dan haiwan.
 - 7.1.8. Subseksyen 67(b), Menahan dan memeriksa kenderaan.
- 7.2. Kaedah-Kaedah Pemeriksaan Daging 1985 [Perkara 6(5) dan 7, Seksyen C, Jadual ketiga, Bahagian 1]
- 7.3. Undang-Undang Kecil Stesen Kuarantin Persekutuan (Pengurusan dan Penyelenggaraan) 1984 Undang-Undang Kecil 18
- 7.4. Akta Makanan Haiwan 2009 [Seksyen 39(1c)]
- 7.5. Arahan-arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM);
 - 7.5.1. APTVM Pengurusan Indeks Penyakit.
 - 7.5.2. APTVM Pengurusan Stesen Kuarantin Sementara.
 - 7.5.3. APTVM Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan antara Negeri di Malaysia.

- 7.5.4. APTVM Disinfeksi.
- 7.5.5. APTVM Pemusnahan.
- 7.5.6. APTVM Vaksinasi.
- 7.5.7. APTVM Kempen Kesedaran Awam.
- 7.5.8. APTVM Kesihatan Awam Veterinar

7.6. Protokol-protokol Veterinar Malaysia

7.7. Protokol-protokol Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan 2003

7.8. *Terrestrial Code - OIE*

8.0 SENARAI LAMPIRAN

Lampiran: Bentuk Pengezonan & Kategori Zon untuk Pengurusan Penyakit

LAMPIRAN

Lampiran: Bentuk Pengezonan & Kategori Zon untuk Pengurusan Penyakit

Bentuk Pengezonan

BENTUK ZON	KATEGORI
Indeks	Indeks Penyakit Haiwan Indeks Kesihatan Awam Veterinar
Kepungan	Unggas Babi Ruminan
Kawasan	Kawasan Dijangki Kawasan Kawalan Kawasan Pembasmian Kawasan Penampian
Zon	Zon Bebas Penyakit

Kategori Zon Untuk Pengurusan Penyakit

BERPENYAKIT	TIADA PENYAKIT
Indeks	Kepungan
Kawasan	Zon

JAWATANKUASA PENYEDIAAN APTVM PENGEZONAN

Penasihat : Y.Bhg. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria
 Disediakan oleh : Dr. Maznah binti Ahmad
 Dr. Rahmat S.M. Sheriff
 Dr. Che Zalina binti Mohd. Zaid
 Dr. Muhammad Nazri bin Khairuddin

PENGHARGAAN


Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM Zon Penyakit Haiwan ini, khususnya;

1. Semua Pengarah Bahagian, IPPV
2. Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
3. Semua Ketua Seksyen IPPV
4. En. Soh Tian Siong

Maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi:

Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS,
 Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani,
 Wisma Tani, Blok Podium 4G1, Presint 4,
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
 62630 Putrajaya.

Tel : 03-8870 2000
 Faks : 03-8888 6472
 E-mail : pro@dvs.gov.my
 Laman web : http://www.dvs.gov.my



ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PENGEZONAN

No. Dokumentasi: APTVM 19(c): 1/2011

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA

